

20/02/2004

Abdul Hadi rasa bahang kekalahan di Terengganu

Nazura Ngah; Lokman Zainal Abidin

KUALA TERENGGANU: Kesediaan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bertanding di Kepala Batas, Pulau Pinang pada pilihan raya umum akan datang dilihat sebagai usaha melarikan diri dari Terengganu.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Abdul Hadi mula berasakan bahang kekalahan Pas di Terengganu dan kedudukannya di negeri ini kian terancam.

"Kenyataan itu macam dia nak lari dari Terengganu...dia dah rasa bahang agaknya dan tahu dia akan kalah tapi dia pergi ke Kepala Batas mungkin dia rasa boleh menang...macam dalam bahasa orang Johor kata itu mencari nahas.

"Tak taulah sudah sampai masanya dia rasa tak selamat. Itu dari segi psikologi...saya tak berani cakap dia cuba cabar Presiden Umno sebab itu hak dia. Saya tak fikir dia berani pun...dia cakap saja," katanya di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Abdul Hadi yang dilaporkan berkata sedia bertanding di mana saja, termasuk Kepala Batas atau Besut jika diarahkan parti.

Muhyiddin berkata, Abdul Hadi juga bimbang jika tidak dapat bertahan dengan kedudukan dan masalah yang dihadapi Pas Terengganu kini.

Katanya, kebangkitan rakyat negeri ini yang mahukan perubahan kerajaan menunjukkan sikap tidak percaya terhadap pentadbiran negeri yang diterajui Pas.

"Dia kata nak serah kepada pucuk pimpinan parti...siapa lagi pucuk pimpinan parti kalau bukan dia sendiri," katanya.

Sementara itu Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata kenyataan itu sekadar gimik politik terbaru Pas bagi meraih perhatian rakyat.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Kewangan, berkata secara psikologinya, individu yang bercakap begitu kebiasaannya mempunyai niat berbeza daripada kata yang diucapkan.

Shafie berkata, Perdana Menteri mempunyai sokongan kuat pada peringkat akar umbi di Kepala Batas, selain sindrom sayangkan pemimpin BN di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, Abdullah menggunakan pendekatan berlemah lembut yang meyakinkan rakyat untuk memberikan sokongan tidak berbelah bagi.

Ketua Umno Bahagian Dungun, Datuk Rosli Mat Hassan, pula berkata kedudukan dan kewibawaan Abdul Hadi dan Perdana Menteri boleh diibaratkan seperti langit dengan bumi.

"Abdul Hadi takut untuk bertanding di Terengganu sehingga menyuarakan kesanggupan bertanding di Kepala Batas atau Besut bagi mengelak tewas di gelanggang sendiri," katanya.

Sementara itu, di GEORGETOWN Pemuda Umno Pulau Pinang dan seluruh jentera pilihan raya Barisan Nasional akan memastikan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak dapat bertapak di negeri ini.

Ketuanya, Datuk Roslan Saidin, berkata hasrat pemimpin tertinggi Pas itu bukan gimik baru parti itu kerana sebelum ini, mereka pernah berangan-angan untuk mencabar Tun Dr Mahathir Mohamad di Kubang Pasu.

Roslan berkata, Presiden Pas boleh mencuba nasibnya dan berangan-angan kosong untuk bertanding di Parlimen Kepala Batas.

"Seluruh jentera pilihan raya Pergerakan Pemuda Umno Pulau Pinang bersedia sepenuhnya untuk bekerja kuat bagi memastikan kemenangan calon BN dengan cemerlang di negeri ini," katanya.

